

Hikayat Pahang

Diusahakan oleh
KALTHUM JERAN



PETALING JAYA
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.
1986

Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
3, Jalan 13/3, Petaling Jaya, Selangor
© *Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1986*
ISBN 967 933 620 4

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian, dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu dari Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

M
398.329595
HIK

551384

Dicetak di Malaysia oleh
Syarikat United Book Sdn. Bhd., Shah Alam

11 FEB. 1991
Perpustakaan Negara
Malaysia

PENDAHULUAN

Hikayat Pahang MS. 937 dijadikan teks dasar kajian ini.

Teks ini merupakan teks bertulisan jawi yang memuatkan kisah dan peristiwa yang berlaku di Pahang pada masa pemerintahan Bendahara Ali, Bendahara Tun Mutahir dan Bendahara Tun Ahmad kemudiannya menjadi Sultan Ahmad Al-Muazzam Syah, iaitu di antara tahun 1832 hinggalah lebih kurang tahun 1932. Teks ini telah dijadikan teks dasar dalam pengkajian saya ini, dan untuk kepentingan kajian ini, teks ini dipanggil Naskhah A.

Naskhah yang berukuran 28 cm dan mempunyai 71 muka surat ini, masih berada dalam bentuk manuskrip lagi dan tersimpan di perpustakaan Universiti Malaya. Naskhah ini dipercayai bukanlah merupakan naskhah asli hikayat ini, kerana menurut keterangan yang didapati, kedudukan naskhah aslinya tidak diketahui. Naskhah ini mungkin merupakan salinan dari naskhah aslinya, yang telah disalin oleh seorang penyalin atau lebih, berdasarkan tulisan tangan yang didapati dalam manuskrip, dalam tulisan jawi.

Tulisan jawi yang terdapat dalam hikayat ini begitu halus sekali, iaitu terdapat hitung panjangnya lebih kurang enam belas perkataan sebaris. Ini sungguh menyulitkan apabila hendak dibaca. Tambahan pula terdapat perkataan-perkataan yang samar-samar dituliskan sehinggakan ia agak sukar untuk dimengertikan. Walau bagaimanapun, setelah diamati dengan teliti, maka dapatlah dianggarkan apakah perkataan itu sebenarnya.

Naskhah ini tidak menyebutkan nama penulis atau penyalinnya dan tidak juga menyatakan tarikh ia ditulis. Walau bagaimanapun, naskhah ini mungkin disalin dalam tahun 1932 kerana tarikh ini merupakan tarikh akhir yang dicatatkan di dalam naskhah ini, iaitu dengan mencatatkan tarikh kemangkatan Sultan Abdullah, iaitu pada 22hb. Jun, 1932. Di samping itu, ia juga ada mencatat-

kan tarikh dan usia Sultan Ahmad Al-Muazzam Syah dari sejak baginda lahir hingga ke tarikh hikayat ini ditulis.

Zahir sampai 1351 ini 99 tahun

Naik gelaran sampai 1351 ini 53 tahun

Tabal sampak 1351 ini 49 tahun

Tahun 1351 Hijrah bersamaan dengan 1932 Masehi. Dengan ini, jelaslah hikayat ini ditulis mungkin pada akhir-akhir tahun 1932 itu, kerana bulan yang terakhir dicatatkan ialah Jun 1932.

Naskhah ini tidak mengandungi kata pendahuluan atau mukadimah yang lazimnya terdapat dalam hikayat lama. Ia memulakan ceritanya terus, iaitu dengan cetera pertama dan seterusnya.

SEBAGAI PERBANDINGAN DIGUNAKAN NASKHAH ARKIB NEGARA

Naskhah ini berbentuk buku, berkulit keras dan ditaip dalam tulisan rumi. Buku ini berukuran 9" x 11" dan mengandungi sebanyak 217 halaman. Penulis atau penyalinnya tidak diketahui kerana tiada dinyatakan di dalamnya; cuma mencatatkan di akhir cerita, "telah selesai fakir mengarangkan hikayat ini, iaitu peranakan Pahang". Ini mungkin dapat menjelaskan kepada kita bahawa hikayat ini telah ditulis atau dikarang oleh seorang anak Pahang. Namun, namanya dan penjelasan lanjut mengenainya tidak pula diberikan. Dia hanya memanggil dirinya "fakir" peranakan Pahang. Ini bersesuaian sekali dengan tradisi penulis-penulis dan pengarang-pengarang zaman dahulu yang tidak suka menyebutkan namanya, dan hanya membahaskan dirinya sebagai "fakir" atau hamba sahaja.

Naskhah ini, yang saya panggil naskhah B, telah dijilid oleh A. Savarimuthu pada 5 haribulan Julai, 1963, dan telah disemak pula oleh K. Rasiah pada 12 haribulan Julai, 1963 itu juga.

Terdapat sedikit tambahan pada naskhah ini, iaitu di halaman yang pertama tercatat nama-nama Bendahara Pahang, dari Bendahara yang pertama, iaitu Bendahara Tahir hinggalah kepada Bendahara yang ke empat, Bendahara Ali, di zaman mana cerita ini bermula. Bendahara Ali telah memerintah Pahang dari di zaman mana cerita ini bermula. Bendahara Ali telah memerintah Pahang dari tahun 1806 hingga tahun 1847. Di samping itu, disebutkan juga nama-nama putera dan puteri Bendahara-bendahara tersebut.

Walau bagaimanapun, naskhah ini telah menamatkan ceritanya lebih awal daripada naskhah A, iaitu ia berakhir dengan cerita kepulangan Sultan Ahmad dari Johor setelah menerima bintang K.C.M.G. dari baginda Queen. Tarikh akhir yang disebutkan dalam naskhah ini ialah 1302 bersamaan dengan 1883 Masehi, iaitu pertabalan Sultan Ahmad sebagai Sultan Pahang. Oleh yang demikian, bolehlah dikatakan bahawa naskhah ini telah ditulis lebih awal dari naskhah A. Jadi, apakah mungkin naskhah ini yang dimaksudkan oleh Linehan apabila beliau menyatakan bahawa Hikayat Pahang itu adalah merupakan, "A typed document of over 200 sheets," yang telah ditulis dalam tahun 1910. Penulisannya tidak diketahui. Tetapi menurutnya, 50 halaman pertama naskhah ini telah hilang, iaitu naskhah yang disimpan oleh Tengku Besar Pahang. Bagaimanapun, menurutnya lagi Dr. R.O. Winstedt memiliki versi lengkap cerita ini.

Jadi, mungkinkah naskhah B ini adalah naskhah yang dimiliki oleh Dr. Winstedt itu, kerana naskhah ini lengkap, tidak terdapat satu muka surat pun yang hilang. Ini tidaklah mustahil, kerana mungkin penjilid naskhah ini telah mendapatkan versi lengkap ini dari Winstedt sendiri atau dari punca-punca yang lain. Sayangnya, tidak ada keterangan lanjut yang dapat menjelaskan hal ini.

Dalam kajian ini, perbandingan yang dibuat sangatlah terbatas sekali, kerana hanya dua buah naskhah sahaja yang dapat digunakan. Walau bagaimanapun, pada dasarnya, kedua-dua teks ini tidak terdapat perbezaan yang besar dari segi isinya, hanya terdapat perbezaan yang kecil di sana sini yang bukanlah pula tidak signifikan. Perbezaan ini terletak pada perpanjangan ayat dan perpanjangan cerita, yang bukanlah pula tidak membawa apa-apa makna pada jalan cerita. Perbezaan ini bolehlah dikatakan sebagai tokok tambah dan pengurangan dari penulis atau penyalin itu sendiri, seperti mana yang lazimnya terdapat pada karya-karya kesusasteraan Melayu lama yang lainnya, kerana seorang penyalin itu adalah juga seorang pengarang.